

NTUC gesa pemerintah, majikan perkara sokongan bagi pekerja berusia

Tinjauan dapati lebih ramai berhasrat terus bekerja selepas usia 70 tahun, mahukan fleksibiliti

► MUHD HAZMAN ABD AZIZ
mhazman@sph.com.sg

Menurut dapatan tinjauan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC), lebih ramai pekerja berusia berhasrat mahu terus bekerja selepas mencapai usia 70 tahun, dan mahukan fleksibiliti dalam aturan kerja mereka.

Oleh itu, kesatuan pekerja itu menggesa majikan dan pemerintah agar melakukan lebih banyak usaha untuk menyokong pekerja berusia melalui reka bentuk semula pekerjaan, peningkatan kemahiran dan amalan kerja yang inklusif, kata Timbalan Setiausaha Agung NTUC, Encik Desmond Tan.

Satu tinjauan yang dilaksanakan NTUC antara September dengan Oktober 2025 mendapati lebih 46 peratus daripada 591 responden daripada pelbagai peringkat umur menyatakan mereka ingin terus bekerja selepas umur pekerjaan semula – iaitu 70 tahun.

Sementara itu, 48 peratus responden memilih pekerjaan sepenuh masa, manakala 46 peratus memilih pekerjaan separuh masa.

Maka, Encik Tan, yang juga Menteri Negara Kanan (Pejabat Perdana Menteri), berkata tiga pihak – pemerintah, NTUC dan majikan – mesti bekerjasama rapat untuk memastikan sokongan sewajarnya dapat diberikan kepada kumpulan berusia itu.

Ini termasuk reka bentuk semula pekerjaan dan penggunaan teknologi bagi menjadikan tempat kerja lebih inklusif serta lebih sesuai bagi pekerja berusia.

Bercakap kepada wartawan selepas lawatannya ke Hospital Tan Tock Seng (TTSH) pada 28 Januari, Encik Tan berkata:

“Melalui usaha ini, saya percaya bahawa menyokong warga emas bukan sahaja dapat meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja, bahkan



Jururawat berdaftar kanan di Hospital Tan Tock Seng, Cik Lilian Teng (kanan), membantu seorang pesakit bangun daripada katil selepas sistem Pemantauan Pesakit Ramalan Pintar PreSAGE mengaktifkan amaran semasa satu demonstrasi. – Foto ST

memastikan kita mempunyai tenaga kerja yang lebih berdaya tahan dan mampu menyesuaikan diri dengan kecerdasan buatan (AI) serta tuntutan pekerjaan masa hadapan.”

Dapatan Encik Tan dan NTUC itu bertepatan dengan data Kementerian Tenaga Manusia (MOM) yang dikeluarkan pada November 2025.

Menurut data itu, kadar pekerjaan bagi pekerja berusia 65 tahun dan ke atas meningkat daripada 24.7 peratus pada 2015 kepada 31.5 peratus pada 2025.

Ini mencerminkan keinginan tinggi dalam kalangan pekerja berusia untuk kekal aktif bekerja, serta peningkatan peluang bagi mereka untuk terus bekerja.

Encik Tan melawat TTSH untuk mengetahui usaha yang dilakukan hospital itu dalam menyesuaikan alat dan aliran pekerjaan bagi menyokong pekerja lebih berusia, memandangkan sekitar 1,000 daripada lebih 10,000 kakitangan TTSH berusia 55 tahun dan ke atas.

Melalui kerjasama dengan Kesatuan Pekerja Perkhidmatan Penjaga-

an Kesihatan serta memanfaatkan Geran Jawatankuasa Latihan Syarikat Kluster (CTC) NTUC, TTSH telah melaksanakan beberapa projek transformasi.

Antaranya, Sistem Pemantauan Pesakit Ramalan Pintar PreSAGE (PreSAGE) yang menggunakan kamera haba yang dipasang pada dinding serta analitik video.

Ini sekali gus mengatasi ciri penyediaan yang rumit, di samping memberikan jururawat tempoh tindak balas yang lebih cepat sehingga 15 saat, serta mengurangkan jumlah amaran palsu berbanding alat tradisional seperti tikar penderia, dengan ketara.

Bagi jururawat berdaftar kanan di TTSH, Cik Lilian Teng Ngwen Hua, 69 tahun, teknologi telah memberi kesan terhadap keupayaannya untuk terus kekal dalam kerjayanya.

Sebelum hospital itu melaksanakan PreSAGE pada 2022, Cik Teng berkata bahagian belakangnya akan sakit ketika memasang penggera pengesanan pesakit jatuh secara manual bagi setiap pesakit yang berisiko.

Gelungan keluli mula dipasang di terowong CCL, kerja pembaikan ikut jadual

► AMIRUL IBRAHIM
amirulh@sph.com.sg

Kerja-kerja pembaikan bagi terowong Laluan Circle (CCL) setakat ini telah dilaksanakan tepat mengikut jadual dan akan selesai sesuai dengan tempoh yang ditetapkan iaitu April.

Menurut Menteri Negara Kanan (Pengangkutan), Cik Sun Xueling, sebanyak 10 peratus gelung keluli ini telah dipasang bagi mengukuhkan terowong kereta api sejak permulaan kerja pembaikan itu pada 17 Januari.

Cik Sun menjelaskan demikian kepada media dalam satu sesi rondaan dan pemerhatian di luar stesen MRT Serangoon pada 28 Januari.

Menurutnya, kerja-kerja pembaikan di terowong CCL itu dijalankan ekoran terowong yang tertekan dan mengalami perubahan bentuk.

Terowong kereta api di bawah tanah itu diperbuat daripada tanah liat marin yang lembut.

Justeru, atas faktor-faktor geologi, terowong tersebut telah berubah bentuk menjadi bujur dan fenomena ini disebut sebagai *tunnel squatting*.

Gelungan keluli yang telah dipasang itu merupakan cantuman enam piring keluli. Ia akan dipasang kepada dinding terowong yang terjejas sepanjang 450 meter.

Ia bertujuan membentuk semula dinding terowong agar ia kekal teguh dan tidak mengalami sebarang perubahan bentuk lagi.

Sejak bermulanya kerja pembaikan itu, pelbagai laluan alternatif telah disediakan.

Ini termasuk laluan kereta api Laluan Timur Laut (NEL) yang percuma bagi sebelum dan selepas waktu sibuk serta bas ulang-alik yang menghubungkan kawasan-kawasan terjejas.

Dalam pada itu, Cik Sun berkata



Menurut Menteri Negara Kanan (Pengangkutan), Cik Sun Xueling, ketika satu sesi rondaan dan pemerhatian di luar stesen MRT Serangoon pada 28 Januari, kerja-kerja pembaikan terowong Laluan Circle telah dilaksanakan tepat mengikut jadual. – Foto ZAOBAO

walaupun laluan alternatif baru itu menambah masa perjalanan, penumpang dapat menyesuaikan diri dengan aturan baru.

Laluan dan aturan alternatif ini turut dimudahkan dengan adanya sebilangan marsyal dan sukarelawan yang sudi membantu bagi menunjuk arah kepada penumpang.

Cik Sun juga menambah, sebanyak 30,000 penumpang telah menggunakan bas ulang-alik yang disediakan sejak lima hari bekerja yang lalu.

Berkongsi tentang interaksinya bersama penumpang, Cik Sun berkata:

“Apabila saya berbual dengan penumpang, tambahan masa perjalanan yang mereka alami adalah antara 10 dengan 20 minit. Jadi, masa perjalanan mereka masih dalam keadaan terkawal.

“Kami juga memastikan agar penumpang kekal selesa dengan aturan baru ini, dan kami telah sediakan kemudahan mereka masih dalam keadaan terkawal.

Memandangkan para penumpang sudah dapat menyesuaikan diri dengan aturan dan laluan baru ini, beliau juga mengumumkan bahawa Kementerian Pengangkutan mungkin akan mengurangkan jumlah marsyal dan sukarelawan di tempat-tempat terjejas.

Pada masa yang sama, ini dapat mengurangkan kesesakan manusia di tempat-tempat berkenaan.

Encik Ahmad Faikar Jaafar, 28 tahun, salah seorang penumpang yang terjejas dalam perjalanannya ke tempat kerja, berkata:

“Pada awalnya, saya rasa agak kekok kerana perjalanan saya biasanya melalui MRT tetapi buat sementara ini, saya harus menaiki bas ulang-alik ke tempat kerja di Macpherson.

“Ini menambah masa perjalanan saya lebih kurang 15 minit.”

Namun begitu, jurukemas di beberapa hospital masyarakat itu menemui ketangkasan dan kelancaran perkhidmatan yang telah disediakan dalam mengatasi penutupan laluan stesen CCL.

29 Jan – 4 Feb 2026

JIMAT SEHINGGA 54%[†]

[†] Terhad kepada 4 unit/set untuk setiap pembelian.

PRICE DROP
BUY NOW
HARGA TURUN
BELI SEKARANG

7⁶⁰ setiap pek

COWHEAD
Hirisan Keju Semula Jadi Cheddar/Emmental/Mozzarella
150g

BELI 1 DAPAT 1 PERCUMA

18⁵⁰ setiap pek

CP
Kepak Ayam Madu 850g
Harga Biasa \$22.36

JIMAT 17%

7⁷⁹ setiap pek

EB
Golden Crispy Kek Udang/Kek Udang Sotong 200g

BELI 2 DAPAT 1 PERCUMA

2⁷⁵ setiap pek

FAIRPRICE
Kacang Soya Masin/Tanpa Garam 500g
Harga Biasa \$3.50/\$3.53

JIMAT SEHINGGA 22%

7⁶⁵ setiap pek

FAIRPRICE
Beras Wangi Jasmine 5kg
Harga Biasa \$9.20

JIMAT 16%

19⁵⁰ setiap botol

KNIFE BRAND
Minyak Masak 5L + 1L
Harga Biasa \$21.48

JIMAT 9%

23⁹⁵ setiap pek

NESTLÉ
Nesvita Isian Semula Susu Tepung Dewasa Omega Plus Dengan ActiCol 1.2kg
Harga Biasa \$30.51

JIMAT 21%

88⁰⁰ setiap tin

ENFAGROW
Formula Susu Tumbesaran A+ PRO Stage 3 1.65kg
Harga Biasa \$104.95

JIMAT 16%

2 UNTUK 8⁹⁵

LAY'S
Kerepek Kentang Beraneka 150g/170g
Harga Biasa 2 untuk \$10.70

JIMAT 16%

18⁹⁵ setiap botol

ORIGINS
Madu Mentah Organik 1kg
Harga Biasa \$25.46

JIMAT 25%

9⁹⁵ setiap tin

KINOHIMITSU
Imperial Japanese Abalone Direbus/Rendaman Air Garam/Dengan Kekapisi 425g
Harga Biasa \$19.90

JIMAT 50%

5⁶⁵ setiap pek

NESTLÉ
Bijirin/Koko Krunch/Cheerios Beraneka 285g - 330g
Harga Biasa \$6.46 - \$7.00

JIMAT SEHINGGA 19%

6 UNTUK 39⁹⁵

STARBUCKS
Nespresso Espresso Roast/House Blend/Columbia Beraneka 10s
Harga Biasa 6 untuk \$50.40

JIMAT 20%

12⁹⁵ setiap pek

MILQ
Acti+Go/Resipi Australia 1.3kg/800g
Harga Biasa \$14.95

JIMAT 13%

5⁹⁵ setiap kerton

YEO'S
First Harvest Minuman Teh Hijau Original/Tiada Gula/Teh P1c Putih 24s x 250ml
Harga Biasa \$11.51/\$13.01

JIMAT SEHINGGA 54%

7⁹⁰ setiap kerton

POKKA
Minuman Dalam Paket Laid Oolong/P1c Oolong/Teh Putih Bunga Kekwa 4 x 6s x 250ml
Harga Biasa \$14.40

JIMAT 45%

2 UNTUK 19⁹⁵

TENA
Seluar Lampin Proskin Normal M10s
Harga Biasa 2 untuk \$27.76

JIMAT 28%

15⁹⁵ setiap pek

COLGATE
Pek Nilai Ubat Gigi Total Beraneka 3s x 150g
Harga Biasa \$18.50

JIMAT 13%

4⁰⁹ setiap botol

DETTOL
Sabun Cuci Tangan Antibakteria Beraneka 250ml

BELI 1 DAPAT 1 PERCUMA

11⁹⁵ setiap botol

MOIST DIANE
Perfect Beauty Syampu/Rawatan Beraneka 450ml
Harga Biasa \$17.90

JIMAT 33%

2 UNTUK 31⁹⁰

DYNAMO
Kapsul Pencuci Pakaian 4 dalam 1 Beraneka 52s
Harga Biasa 2 untuk \$66.40

JIMAT 51%

3 UNTUK 6⁹⁵

SOFTLAN
Isian Semula Pelembut Perapi Fabrik Beraneka 1.8L
Harga Biasa 3 untuk \$10.59

JIMAT 34%

2 UNTUK 9⁶⁵

MAMA LEMON
Isian Semula Cecair Pencuci Piringan Haruman Natural Lemon/Lemon Gold 4s x 600ml
Harga Biasa 2 untuk \$9.98

JIMAT 3%

3 UNTUK 9⁹⁰

MAGICLEAN
Isian Semula Pembersih Stain & Mold 400ml
Harga Biasa 3 untuk \$14.97

JIMAT 33%

2 UNTUK 8⁷⁵

KCA
Tisu Dapur 6 gulung x 70 helai
Harga Biasa 2 untuk \$11.60

JIMAT 24%

IMBAS UNTUK LEBIH BANYAK PROMOSI!

<https://go.fpg.sg/TGIT>

SAVE EVEN MORE 平价省

3% DISKAUN PERINTIS

2% DISKAUN WARGA EMAS

3% DISKAUN GENERASI PERINTIS DAN GENERASI HERDEKA

3% DISKAUN CHAS BIRU

3% DISKAUN CHAS JINGGA

AHLI NTUC UNION DAN NTUC LINK MEMPEROLEH LINKPOINTS DAN MENIKMATI TAWARAN DISKAUN 50%^{*}

^{*}Terma dan Syarat dikenakan.

Untuk butiran lanjut, hubungi 6380 5858.

^{*}Untuk Terma & Syarat lengkap, lursuri <https://go.fpg.sg/PDBN> atau imbas kod QR.

Boleh didapati di cawangan FairPrice & Unity terpilih. Ketersediaan produk/varian berbeza-beza.